

Pemilik pengendali umrah akan diambil keterangan

Kuala Lumpur: Pemilik syarikat pengendali umrah akan diambil keterangan hari ini, bagi membantu siasatan kes penipuan pakej umrah membabitkan kerugian lebih RM1 juta.

Difahamkan, pemilik yang juga suami isteri ber gelar Datuk dan Datin dijangka memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Melaka.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yusuf berkata, ia bagi membantu siasatan kes di negeri berkenaan.

"Sebelum ini, pasangan terbabit ditahan di sebuah premis di Putrajaya pada 4 Januari lalu, bagi membantu siasatan kes penipuan pakej umrah.



"Sebelum ini, pasangan terbabit ditahan di sebuah premis di Putrajaya pada 4 Januari lalu, bagi membantu siasatan kes penipuan pakej umrah"

"Kedua-duanya dibebaskan dengan jamin polis pada Sabtu lalu," katanya dihubungi Harian Metro, semalam.

Ramli berkata, sehingga kini, 25 kertas siasatan dibuka membabitkan kerugian lebih RM1 juta.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan, hasrat empat sekeluarga untuk menuaikan umrah buat julung kalinya tidak kesampaian apabila menjadi mangsa penipuan sebuah agensi pelancongan menyebabkan kerugian lebih RM47,000.

Siasatan polis mendapti, syarikat itu ditubuhkan suami isteri yang bertindak sebagai pengarah pada 2015 sebelum berdepan masalah kewangan susulan pandemik Covid-19.

Mangsa kecewa kes tak selesai

Johor Bahru: Mangsa penipuan visa haji furada sebuah agensi umrah dan haji tempatan kecewa apabila kes itu tidak dapat diselesaikan walaupun sudah empat tahun berlalu.

Malah, mangsa turut mempersoalkan kekebalan pemilik agensi berkenaan yang didakwa tidak pernah dikenakan tindakan dan masih bebas walaupun banyak laporan polis dibuat terhadap mereka.

Mangsa yang mahu di kenali sebagai Nina Ismail, 38, berkata, berita penipuan visa haji furada itu pernah menggemparkan negara dan mendapat laporan meluas pada Ogos 2019.

Katanya, seramai 26 rakyat Malaysia yang menerima visa itu dilaporkan terkandas di Jeddah, Arab Saudi sebelum dihantar pulang ke tanah air.

"Saya sendiri kerugian RM62,000 apabila ditipu agensi umrah dan haji itu dan sudah membawa kes

itu ke Tribunal Tuntutan Pengguna bagi menuntut pemulangan semula wang dibayar kepada agensi itu.

"Pada Februari lalu, tribunal itu mengarahkan supaya agensi berkenaan yang diwakili seorang daripada pengarahnnya pada prosiding berkenaan memulangkan semula wang yang sudah dibayar membabitkan harga pakej bagi diri saya, suami dan ayah.

"Pada mulanya, pengarah terbabit yang mempunyai hubungan kekeluaragaan dengan pemilik agensi meminta penangguhan pemulangan bayaran namun kini selepas hampir setahun terus 'ghair' tanpa dapat dikesan.

"Saya dan lebih 60 mangsa penipuan agensi itu mahukan supaya duit yang sudah dibayar kepada mereka yang dianggarkan jumlah keseluruhannya RM2 juta supaya dipulangkan semula, namun pemilik agensi itu seolah-olah

cukup kebal dan dilindungi, sedangkan semua mangsa dianaya malah nasib kami tidak terbaik sehingga kini," katanya dihubungi semalam.

Pada Ogos 2019, media melaporkan 26 rakyat Malaysia yang kononnya menerima visa furada terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz, Jeddah selepas imigresen Arab Saudi mendapat nama mereka tiada dalam senarai visa haji.

Menerusi laporan itu, mereka datang dalam satu kumpulan menaiki penerbangan komersial dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Dalam pada itu, Nina berkata, dia akan membawa kes itu ke mahkamah dalam masa terdekat berikutan ketidakpatuhan pi huk berkaitan terhadap keputusan tribunal pengguna yang mengarahkan b ayaran balik penuh dibuat.